

Bernama

Kuala Lumpur

Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) bagi pelajar dan murid di seluruh negara dilihat bukan sahaja membawa cabaran kepada ibu bapa, malah guru dari pelajar juga terpaksa berdepan dengan pelbagai isu.

Seorang guru yang mengajar di sebuah sekolah di Putrajaya berkata, kehadiran kelas secara dalam talian membabitkan murid dari kelas 'belakang' dilihat agak rendah.

"Contohnya kehadiran murid kelas hadapan adalah 24 orang dari 27 orang jumlah keseluruhan, tetapi kehadiran kelas belakang dilihat hanya enam dari jumlah keseluruhan iaitu 19 orang. Murid yang pandai akan 'selamat' dan yang lemah akan terus ketinggalan."

"Kalau di sekolah, guru boleh panggil murid bersemuka dan berikan motivasi, tapi bila kelas dijalankan secara dalam talian, ia bergantung kepada persediaan murid itu dari segi peranti, pelan data dan motivasi sendiri," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau yang enggan diketahui berkata, cabaran lain kelas dalam talian ialah sukar untuk memantau disiplin dan tumpuan pelajar, malah ada pelajar yang mengaku membuka dua paparan di komputer riba - satu untuk kelas dalam talian dan satu lagi untuk bermain 'permainan dalam talian.'

Pelajar tingkatan tiga sebuah sekolah di Selangor, Syakir Fazly, 15, cabaran belajar di rumah yang dihadapi ialah adiknya sering membuat bising dan mengganggu ketika dia mengikuti kelas secara dalam talian.

"Sukar untuk saya dengar suara cikgu dan pelajar lain. Kalau pelajar ada soalan hendak tanya soalan pun, cikgu hanya teruskan mengajar sahaja kerana tidak dengar soalan dan suara pelajar."

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI RUMAH

Murid pandai 'selamat', lemah terus ketinggalan



ANAK Orang Asli dari suku Temuan tidak ketinggalan untuk menyertai sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) di pondok berikutnya masalah pencapaian internet yang terhad ketika tinjauan di Kampung Orang Asli Paya Lebar, Sungai Lui, Hulu Langat.



PELAJAR anak Orang Asli dari suku Temuan tidak ketinggalan menyertai sesi PdPR.

"Selain itu tidak semua yang cikgu ajarkan dapat difahamkan dengan jelas kerana skrin telefon bimbit kecil. Pautan yang diberikan cikgu

selalu sukar untuk diakses dan tersekut-sekat," katanya.

Ibu, Shahidah Musa, 30-an, yang mempunyai anak yang bersekolah di ta-

hun satu dan dua di Selangor pula berkata, ada guru yang tidak konsisten dan bertukar-tukar platform media sosial dan medium dalam mengendalikan PdPR.

"Ada masa gunakan platform WhatsApp, kemudian bertukar Telegram. Medium pembelajaran juga berubah-ubah, dari aplikasi Zoom ke Google Meet dan panggilan video."

"Selain itu waktu kelas bermula juga berubah hari pertama jam 9.30 pagi, hari kedua 10 pagi. Ibu bapa terpaksa sentiasa menunggu maklumat dan kemas kini dari guru," katanya yang terpaksa membeli telefon bim-

bit untuk anaknya.

Shahidah berkata, ada ibu bapa yang terpaksa 'belajar' aplikasi Google classroom dan sebagainya untuk membantu anak masing-masing menyiapkan tugasannya terutama yang memerlukan mereka merakam video.

Norazah Muda, 49, yang juga seorang ahli perniagaan berkata, anak bongsunya yang sepatutnya memasuki tingkatan satu di sebuah sekolah agama swasta bersara di Negeri Sembilan belum memulakan PdPR untuk tahun ini, setakat semalam.

"Saya risau untuk belikan telefon bimbit atau komputer riba kepada anak saya,

Kalau di sekolah, guru boleh panggil murid bersemuka dan berikan motivasi, tapi bila kelas dijalankan secara dalam talian, ia bergantung kepada persediaan murid itu"

Guru

kerana berdasarkan pengalaman saya pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu, anak saya sangat obses permainan video malah turut membeli-belah dalam talian ketika tiada kelas," katanya.

Norazah berkata, ketika PKP tahun lalu beliau hanya membenarkan anaknya membuat kerja rumah dan belajar menggunakan telefon bimbit miliknya.

Seorang ibu di Johor Hainurunnisa Aman, 39, yang mempunyai anak berusia enam, lapan dan 10 tahun berkata, PdPR bukan sahaja menuntut disiplin tinggi murid, malah ibu bapa juga perlu memainkan peranan dalam memastikan anak-anak tidak tercincir.

"Agak mencabar kerana memerlukan komitmen tinggi untuk menyertai sesi Google Meet, Google Classroom, Telegram, WhatsApp, untuk tiga anak yang semuanya bersekolah rendah secara serentak. Namun, buat masa ini, saya masih boleh 'curi-curi' masa memantau mereka," kata pengusaha katering itu ketika dihubungi.